

Jerayawara Solusi Rambut nanocare Panasonic Mempersembahkan Penjagaan Rambut dan Kulit Kepala yang Inovatif

Petaling Jaya, 2 November 2023 – Panasonic Malaysia akan mempersembahkan inovasi canggih nanocare yang menggabungkan keperluan kecantikan dan teknologi terkini untuk penjagaan serta penyelesaian rambut dan kulit kepala di **Jerayawara Solusi Rambut nanocare Panasonic** dari 2 hingga 5 November 2023 di Sunway Pyramid, *LG2 Central Avenue* (di hadapan Gigi Coffee).

Dengan tema “Selamat Tinggal Kepada Rambut Kering, Bersedia untuk Rambut yang Sihat!”, pengering rambut Panasonic nanoe™ dan *Double Mineral EH-NA98* yang terkenal, yang menyediakan penjagaan menyeluruh bagi rambut, kulit kepala dan kulit, selain mengeringkan rambut akan menjadi nadi jerayawara ini. Pengering rambut ini mempunyai teknologi nanoe™ eksklusif Panasonic yang menyediakan zarah air yang elektrostatik bersaiz nano yang meresap dalam rambut secara mendalam, mencipta keseimbangan air optimum yang menghasilkan rambut yang lembut dan bersinar. Pada masa yang sama, ia melembapkan kulit dan kulit kepala. Melengkapkan teknologi nanoe™ adalah *Double Mineral Ions* mengetarkan kutikula rambut dan mengurangkan kerosakan rambut.

Semasa Jerayawara Solusi Rambut nanocare Panasonic, pelanggan dapat mengalami dunia siri kecantikan nanocare Panasonic dan teknologi nanoe™ secara langsung. Penggaya rambut profesional akan mempersonakan sesi demonstrasi rambut bagi menunjukkan hasil segera dengan menggunakan pengering rambut nanoe™ dan *Double Mineral EH-NA98*.

Promosi eksklusif bagi EH-NA98 akan ditawarkan semasa jerayawara. Sebuah mesin gashapon istimewa akan dipenuhi sehingga 2000 hadiah menarik untuk dimenangi. Untuk menyertai aktiviti gashapon, pelanggan hanya perlu mengikuti sekurang-kurangnya dua platform media sosial rasmi Panasonic dan menyatakan pada platform media sosial mereka sendiri tentang jerayawara itu. Sebagai alternatif, pelanggan boleh melengkapkan kaji selidik tentang Jerayawara Panasonic untuk mendapatkan satu peluang bermain mesin gashapon.

Pelanggan yang membuat pembelian pengering rambut nanoe™ dan *Double Mineral EH-NA98* semasa jerayawara akan dapat baucar rawatan rambut bernilai RM400 sebagai hadiah dengan pembelian (GWP) atau beg kosmetik Panasonic eksklusif. Baucar adalah terhad kepada satu bagi setiap pelanggan dan tersedia sementara stok masih ada.

Untuk maklumat lanjut mengenai Jerayawara Solusi Rambut Nanocare Panasonic, sila lawati Facebook rasmi Panasonic di <https://www.facebook.com/mypanasonic/posts/706290751535691>.

###

Mengenai Panasonic Malaysia

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic produk elektrik dan elektronik yang terdiri daripada audio visual, peralatan rumah, penghawa dingin, kualiti udara dalaman, perniagaan solar, kamera digital & video, peralatan penyiaran profesional, penyelesaian sistem, telekomunikasi, penjagaan kesihatan & kecantikan, bateri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh didapati melalui pengedar sah kami di seluruh negara. Untuk maklumat lanjut mengenai jenama dan produk Panasonic, layari laman web kami di www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-7953 7600.

Kontak Media

Stella Lim

Ketua Jabatan

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: stella.lim@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7605

Mazlee Mokhtar

Pengurus, Komunikasi Korporat

Jabatan Komunikasi Pemasaran

Panasonic Malaysia Sdn. Bhd.

Lot 10, Jalan 13/2, 46200 Petaling Jaya, Selangor.

Email: mazlee.mokhtar@my.panasonic.com

Pejabat: +603-7809 7877